

BAB DUA

TINJAUAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Sebelum membuat kajian, pengkaji terlebih dahulu membuat tinjauan terhadap kepentingan penguasaan Ilmu Nahu dalam kalangan pelajar-pelajar BA dan kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan pembelajaran dan pengajaran Ilmu Nahu BA. Tinjauan ini dilakukan dengan cara merujuk kepada rujukan-rujukan berkaitan dengan Ilmu Nahu BA serta beberapa tesis yang berkaitan dengan bidang yang dikaji iaitu penguasaan salah satu daripada cabang perbahasan Ilmu Nahu Arab dalam kalangan pelajar sekolah mahupun kolej dan institut pengajian yang lain.

Sorotan mengenai ilmu Nahu dan kepentingan menguasainya juga dilakukan. Ini bertujuan untuk mengaitkan kepentingan menguasai dengan baik setiap cabang perbahasan ilmu Nahu, termasuklah tajuk kajian iaitu *al-‘adad wa al-ma‘du:d* BA.

Melalui tinjauan, pengkaji mendapati beberapa kajian yang ada kaitan dengan penguasaan topik-topik tertentu dalam cabang perbahasan Ilmu Nahu telahpun dilakukan sebelum ini.

2.2 Ilmu Nahu BA

Nahu menurut Ibn Manzu:r (1990, Vol.15:310) ialah ikut keistimewaan kalam Arab daripada segi pengolahannya ketika *i‘ra:b* dan lainnya seperti kata nama pendua, kata nama

jama‘, celaan (*al-tahqi:r*), besar (*al-takbi:r*), sandaran (*al-ida:fat*) dan lain-lain, supaya orang yang bukan penutur asal Arab dapat mengikut penutur asalnya daripada aspek kefasihan. Dengan demikian, dia dapat bertutur menggunakan BA walaupun dia bukan daripada kalangan mereka. Sekiranya sebahagian daripada mereka melakukan kesalahan, kesalahan itu dapat diperbetulkan dengan Nahu itu.

Ilmu ini pada awalnya dikenali dengan nama *Ilmu al-‘Arabiyyat*. Kemudiannya dikenali dengan nama Ilmu Nahu pada zaman Abu al-Aswad al-Du‘aliyy, pengasas ilmu ini, di sekitar pertengahan kurun ke-2 hijrah. Kisah pengasasan Ilmu Nahu dan bagaimana ilmu ini mendapat namanya juga amat menarik. Terdapat banyak kisah yang diriwayatkan berkaitan dengan peristiwa ilmu ini mendapat namanya, yang dicatatkan di dalam kitab-kitab klasik Nahu Arab.

Di antaranya ialah sepertimana yang dicatatkan oleh Ibn Manzu:r (1990, Vol.15:310), Abu al-Aswad al-Du‘aliyy apabila selesai meletakkan kaedah BA telah berkata kepada manusia: ائْخُوا نَحْوَهُ (*ikutlah seperti ini*) lantas ianya dinamakan Ilmu Nahu, mengambil sempena kata-kata Abu al-Aswad yang dianggap sebagai pengasas ilmu ini.

Dalam riwayat yang lain, diceritakan bahawa Abu al-Aswad al-Du‘aliyy apabila mendengar seseorang membaca ayat al-Qur’an (su:rat al-Tawbat: 3)


 سورة التوبة : 3
 

Maksudnya: (*Bahawa sesungguhnya Allah dan rasul-Nya memutuskan tanggungjawab terhadap orang-orang musyrik*)

dengan membaca perkataan رسولِه secara genitif, merasa takut dengan masalah pencemaran bahasa (*al-lahn*) yang telah melanda BA. Sedangkan di waktu itu, baru bermulanya era kemunculan tamadun Arab yang menyebabkan setiap hari, percampuran dengan orang-orang bukan Arab semakin bertambah. Al-imam ‘Aliy bin Abi: Ta:lib RA menyadari masalah berkenaan. Dengan yang demikian, beliau mula meletakkan beberapa topik asas berkaitan dengan Ilmu Nahu seperti *al-kalimat*, *inna wa akhawa:tuha:*, *al-ida:fat* dan *al-ta‘ajjub* lalu berkata kepada Abu al-Aswad al-Du’aliyy: اِنْحُوْ هَذَا النَّحُوْ (*ikutlah hala tuju ini*). Dari sinilah timbulnya istilah “Ilmu Nahu” ini, sebagai memperingati kata-kata al-imam ‘Aliy itu (al-Sayyid Ahmad al-Ha:shimiyy ; tt:5).

Al-Sayu:tiyy (tt,Vol.1:10) pula menyebut satu lagi kisah menarik yang menceritakan suatu hari Abu al-Aswad al-Du’aliyy telah masuk mengadap khalifah ‘Aliy bin Abi: Ta:lib RA. Dia melihat khalifah sedang termenung memikirkan sesuatu. Lalu Abu al-Aswad al-Du’aliyy bertanya: Apakah yang sedang tuan fikirkan? Khalifah menjawab: Saya mendengar di negeri kita ini berlaku masalah *al-lahn*. Saya ingin meletakkan sebuah kitab berkaitan dengan *usu:l al-‘arabiyyat*. Abu al-Aswad berkata: Sekiranya tuan lakukan langkah itu, tuan telah menyelamatkan kami dan bahasa ini akan kekal. Selepas tiga hari, Abu al-Aswad al-Du’aliyy datang semula bertemu khalifah. Khalifah telah memberikan kepadanya satu lembaran yang tertulis:

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ - الْكَلَامُ كُلُّهُ إِسْمٌ وَفِعْلٌ وَحَرْفٌ، فَلَا سُمْ مَا أَنْبَأْنَا عَنِ الْمُسَمَّى، وَالْفِعْلُ مَا أَنْبَأْنَا عَنِ حَرْكَةِ الْمُسَمَّى، وَالْحَرْفُ مَا أَنْبَأْنَا عَنْ مَعْنَى لَيْسَ بِإِسْمٍ وَلَا فِعْلٍ.

Kemudian dia berkata: “teruskan usaha ini dan tambahkan lagi maklumat daripada kamu”.

Dalam satu lagi riwayat, diceritakan bahawa suatu hari Abu al-Aswad al-Du'aliyy telah pulang ke rumahnya. Apabila masuk ke rumah, anak perempuannya berkata kepadanya dengan penuh rasa takjub: مَا أَشَدُّ الْحَرِّ؟ (*Apakah yang paling panas?*). Lantas Abu al-Aswad al-Du'aliyy menjawab: “Ketika musim panas ataupun bahang api”. Anak perempuannya berkata: “Saya tidak bertanya soalan kepada kamu. Tetapi saya ceritakan kepada kamu dan saya melahirkan rasa takjub”. Abu al-Aswad pun berkata: “Katalah: مَا أَشَدُّ الْحَرِّ! (*Alangkah panasnya*). Lalu Abu al-Aswad mengadu masalah *al-lahn* berkenaan kepada khalifah ‘Aliy bin Abi: Ta:lib RA. Khalifah berkenaan meletakkan beberapa bab Ilmu Nahu dan berkata kepadanya: اِنْعُ هَذَا النَّحْوُ (*ikutlah jalan ini*). (‘Azi:zaṭ Fawwa:l Ba:bitiyy, 1992, Vol.2:1097)

Al-Jaza:’iriyy (1990:112) pula menyebut pengasasnya (Ilmu Nahu) ialah ‘Aliy bin Abi: Ta:lib RA. Beliau telah meletakkan kepada Abu al-Aswad al-Du’aliyy bab mengenai *inna*, *al-ida:fat* dan *al-ima:lat*. Kemudian Abu al-Aswad al-Du’aliyy pula meletakkan bab mengenai *al-na‘at*, *al-‘atf*, *al-ta’jjub* serta *al-istifha:m*.

Inilah beberapa riwayat mengenai sejarah pengasasan Ilmu Nahu yang masyhur. Riwayat-riwayat yang sampai kepada kita, semuanya mengaitkan pengasasan Ilmu Nahu Arab ini dengan Abu al-Aswad al-Du’aliyy dan juga khalifah ‘Aliy bin Abi: Ta:lib RA. Ini menunjukkan bahawa sejarah perkembangan ilmu ini telah bermula sejak zaman awal Islam lagi. Ianya telah bermula sejak daripada zaman khulafa:’ al-ra:shidi:n lagi dan berterusan sehinggalah ke hari ini.

2.3 Kedudukan Ilmu Nahu Dalam BA

BA adalah merupakan suatu bahasa yang mempunyai kedudukan yang unggul dan istimewa khususnya kepada umat Islam. Hal ini demikian kerana BA adalah bahasa al-Qur'an, kitab suci Islam, bahasa yang digunakan dalam ibadat seperti solat dan juga merupakan antara bahasa perhubungan terpenting di dunia. BA merupakan bahasa yang kekal digunakan hingga ke hari ini dan akan terus kekal digunakan sehingga ke akhir zaman kerana BA adalah bahasa al-Qur'an.

BA juga merupakan antara bahasa utama dunia masa kini. Dianggarkan 280 juta orang penduduk dunia hari ini menggunakan BA sebagai bahasa utama, yang kebanyakannya tinggal di Timur Tengah dan Utara Afrika, manakala 250 juta orang penduduk dunia merupakan penutur yang menjadikan BA sebagai bahasa kedua. (http://en.wikipedia.org/wiki/Arabic_language: 4 November 2009) Kepentingan BA juga terserlah apabila bahasa ini diiktiraf sebagai salah satu daripada bahasa rasmi dalam persidangan PBB dan persidangan-persidangan bertaraf antarabangsa lainnya. (Ibra:hi:m Ahmad al-Fa:risiyy (2001:169)

Arnest Renan, seorang orientalis barat mengakui kehebatan BA apabila beliau dipetik sebagai berkata “di antara perkara yang paling menakjubkan ialah bahasa yang kuat itu (BA) lahir dan mencapai tahap kesempurnaan di tengah-tengah padang pasir dalam kalangan manusia yang berpindah randah”. (Muhammad Da:riyy Hama:diyy;1982:48)

Jasa BA dalam memberikan sumbangan kepada perkembangan tamadun manusia, lebih-lebih lagi semasa bahasa ini menjadi bahasa rasmi kepada tamadun Islam yang telah

mengubah tamadun kehidupan manusia di Timur dan juga di Barat, tidak boleh disangkal lagi. Banyak karya-karya agung yang dihasilkan di zaman kegemilangan Islam oleh tokoh ilmuwan tersohor seperti Ibn Si:na:, Ibn Khaldu:n, al-Khawa:rizmiyy, Ibn Rushd, al-Fara:biyy dan lain-lain yang telah dimanfaatkan dan diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa dunia.

Di antara cabang-cabang ilmu BA, Ilmu Nahu atau tatabahasa merupakan ilmu yang paling penting sebagaimana yang dikatakan oleh Ibn Khaldu:n di dalam al-Muqaddimaṭ (tt:545):

فِي عُلُومِ اللِّسَانِ الْعَرَبِيِّ؛ أَرْكَانُهُ أَرْبَعَةٌ: وَهِيَ اللُّغَةُ وَالنَّحْوُ وَالْبَيَانُ وَالْأَدَبُ. وَمَعْرِفَتُهَا ضَرْوِيَّةٌ عَلَى أَهْلِ الشَّرِيعَةِ، إِذْ مَأْخُذُ الْأَحْكَامِ الشَّرْعِيَّةِ كُلِّهَا مِنَ الْكِتَابِ وَالسُّنَّةِ، وَهِيَ بِلُغَةِ الْعَرَبِ وَنَقَلَتْهَا مِنَ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ عَرَبٌ، وَشَرَحَ مُشْكِلَاتِهَا مِنْ لُغَتِهِمْ، فَلَا بُدَّ مِنْ مَعْرِفَةِ الْعُلُومِ الْمَتَعَلِّقَةِ بِهَذَا اللِّسَانِ لِمَنْ أَرَادَ عِلْمَ الشَّرِيعَةِ. وَتَتَفَاوَتْ فِي التَّأَكِيدِ بِتَفَاوُتِ مَرَاتِبِهَا فِي التَّوْفِيقَةِ بِمَقْصُودِ الْكَلَامِ، حَسَبَمَا يَتَبَيَّنُ فِي الْكَلَامِ عَلَيْهَا فَنَّا فَنَّا. وَالَّذِي يَتَحَصَّلُ أَنَّ الْأَهَمَّ الْمَقْدَمَ مِنْهَا هُوَ النَّحْوُ، إِذْ بِهِ يَتَبَيَّنُ أُصُولُ الْمَقَاصِدِ بِالدَّلَالَةِ فَيُعْرَفُ الْفَاعِلُ مِنَ الْمَفْعُولِ وَالْمُبْتَدَأُ مِنَ الْخَبَرِ، وَلَوْلَاهُ لَجُهِلَ أَصْلُ الْإِفَادَةِ

(Bab berkaitan ilmu Lisa:n Arab; Rukunnya ada empat iaitu Bahasa, Nahu, Bayan dan Sastera. Mendalaminya adalah penting bagi semua ahli agama. Kerana semua hukum-hakam agama diambil daripada al-Qur'an dan al-Sunnat, kedua-duanya dalam BA. Kedua-duanya dipindahkan daripada para sahabat dan ta:bi'i:n dan mereka juga Arab. Huraian masalahnya juga dalam bahasa mereka. Maka tidak dapat tidak, mesti menguasai pengetahuan yang berkaitan dengannya, bagi sesiapa yang ingin menguasai ilmu agama. Keempat-empatnya pula berbeza tahap daripada segi keutamaannya. Yang paling utama ialah Ilmu Nahu kerana melaluinya diketahui maksud yang dikehendaki. Melaluinya

diketahui yang mana al-fa:‘il, yang mana al-maf‘u:l dan yang mana al-mubtada:’, yang mana al-khabar. Tanpanya nescaya tidak jelas maksudnya).

Para sarjana Islam sejak dahulu lagi amat mementingkan penguasaan Ilmu Nahu yang tepat ini. Mereka amat bimbang dengan gejala pencemaran bahasa atau *al-lahn* yang berlaku hasil daripada perluasan wilayah Islam dan kemasukkan bangsa-bangsa bukan Arab atau *al-‘ajam* ke dalam agama Islam. Hasilnya berlakulah percampuran di antara orang-orang Arab dengan golongan *al-‘ajam* ini melalui perdagangan, perkahwinan dan juga pembelajaran. Mereka mempelajari tentang Islam, yang mana sumber rujukannya adalah al-Qur’an dan al-Sunnat. Kedua-duanya dalam BA. Kesan daripada percampuran ini, BA telah dicemari dengan kesalahan-kesalahan daripada aspek Nahu. Mereka menominatiskan tempat yang sepatutnya akusatif. Tempat yang sepatutnya genitif, diakusatifkan dan seumpamanya. (al-Sayyid Ahmad al-Ha:shimiyy; tt:5). Hasil daripada keinginan untuk memelihara al-Qur’an daripada gejala *al-lahn* inilah, Ilmu Nahu Arab telah berkembang. (‘Abduh al-Ra:jihiyy (b); 1988:9).

Oleh kerana keperihatinan mereka mengenai penguasaan ilmu Nahu inilah kita dapati banyak riwayat-riwayat yang dinukilkan yang menggambarkan kedudukan ilmu ini dalam disiplin penguasaan ilmu, terutamanya ilmu-ilmu berkaitan dengan al-Qur’an dan al-Sunnat. Al-Asma:‘iyy dalam al-Sayu:tiyy (1993,Vol.2:98) menyebut “*Sesungguhnya perkara yang paling menakutkan bagi seseorang penuntut ilmu ialah dia tidak menguasai Ilmu Nahu. Dengan yang demikian dia termasuk dalam golongan yang disabdakan nabi SAW: “Sesiapa yang melakukan pendustaan ke atasku secara sengaja, maka tersedialah baginya tempat di dalam neraka”*. Hal ini demikian kerana nabi SAW tidak pernah

terjerumus dengan al-lahn. Sekiranya kamu meriwayatkan daripadanya dan kamu melakukan al-lahn, maka kamu telah mendustakan baginda”.

Shu‘bat dalam al-Sayu:tiyy (1993,Vol.2:99) pula menyebut “*Sesiapa yang menuntut hadis nabi sedangkan dia tidak menguasai Ilmu Nahu, dia umpama seseorang yang memiliki penutup kepala (songkok) sedangkan dia tidak mempunyai kepala”.*

Ahmad bin ‘Aliy al-Qalqashandiyy dalam Mahmu:d Faja:l (1997,Vol.1:26) menyebut “*di antara perkara yang diperlukan oleh seorang penulis negara (al-ka:tib) ialah Ilmu Nahu. Dia perlu mengambil berat dengan ilmu ini dan memberikan perhatian yang secukupnya untuk menguasainya”.*

Al-Sha‘biyy dalam Mahmu:d Faja:l (1997,Vol.1:47) pula menyebut “*Ilmu Nahu dalam bidang ilmu bagaikan garam dalam makanan. Tiada sesiapa yang boleh mengabaikannya”.*

Sementara itu al-Sakha:wiyy dalam Mahmu:d Faja:l (1997,Vol.1:47) juga menyebut, al-‘Izz bin ‘Abd al-Sala:m menjelaskan bahawa *mempelajari Ilmu Nahu yang boleh membetulkan bacaan kalam Allah (al-Qur’an) dan kalam rasul-Nya SAW merupakan sesuatu yang wajib. Hal ini demikian kerana memelihara agama adalah wajib dan memelihara agama ini tidak boleh dilakukan melainkan dengan Ilmu Nahu.*

Ibn Taymiyyat (tt:96) dalam Ibra:hi:m Ahmad al-Fa:risiyy (2001:152) menyebut; *menguasai BA dalam agama adalah wajib, sesungguhnya memahami al-Qu’ran dan al-Sunnat adalah satu kewajipan. Seseorang tidak akan memahami agama melainkan dengan*

memahami BA. Suatu perkara yang tidak sempurna sesuatu yang wajib melainkan dengannya, maka perkara berkenaan turut juga menjadi wajib.

Inilah sebahagian daripada kata-kata para ilmuwan yang menunjukkan kedudukan dan kepentingan menguasai setiap cabang ilmu Nahu dengan baik. Para ilmuan Arab sejak dahulu lagi amat menitikberatkan aspek penguasaannya, baik dalam pertuturan mahupun dalam penulisan. Mereka seakan-akan tidak menerima kesalahan bahasa atau *al-lahn* yang berlaku dalam kalangan pelajar. *Al-lahn*lah merupakan faktor pencetus kepada asas perletakan ilmu ini. Oleh yang demikian, kesalahan-kesalahan bahasa dalam penggunaan *al-‘adad wa al-ma‘du:d* contohnya, yang sering dilakukan oleh para pelajar yang berkecimpung dengan pembelajaran BA, sama ada ketika menulis atau bertutur seperti menggunakan ayat-ayat seperti berikut *وَاحِدٌ بِلَادٍ* (*sebuah negara*), *اِثْنَانِ كِتَابٍ* (*dua buah buku*), *السَّاعَةُ الْعَشْرَةُ* (*pukul sepuluh*) dan seumpamanya, kesan daripada pengaruh bahasa ibunda, perlu dipandang serius dan ditangani dengan baik.

Ini kerana hanya dengan menguasai nahu dengan baik dan memahami konsepnya secara menyeluruh sahaja, seseorang dapat memelihara lidahnya daripada *al-lahn* serta dapat bertutur dengan fasih. Menurut al-Sayyid Ahmad al-Ha:shi:miyy (tt:3), Rasulullah SAW pernah ditanya: “Apakah tanda kecantikan pada seseorang?”. Baginda menjawab: “*Kefasihan lidahnya*”.

Memandangkan kepentingan dan kedudukan Ilmu Nahu BA yang tinggi ini, maka pengkajian berkaitan dengannya mendapat sambutan yang hebat daripada kalangan pengkaji. Bermula dengan al-Kita:b yang dikarang oleh Si:bawayh yang digelar oleh sebahagian ahli linguistik Arab sebagai “Qur’an Nahu” diikuti oleh kitab-kitab karangan

para nahuan yang terkenal seperti Al-Kisa:'iyy, al-Mazaniy, Tha'lab, Ibn Kaysan, Ibn Jinni: dan lain-lain.

Sejarah perkembangannya juga panjang, bermula dengan munculnya madrasat al-Basrat pada kurun pertama Hijrah yang dipelopori oleh Ibn Abi: Isha:q al-Hadramiyy, 'I:sa: bin 'Umar al-Thaqafiy, Abu: 'Amru: bin al-'Ala:', al-Akhfash, al-Khali:l, Yu:nus bin Habi:b, Si:bawayh dan al-Mubarrid. Diikuti dengan madrasat al-Ku:fat yang dipelopori oleh al-Ru'a:siyy, al-Harra:', al-Kisa:'iyy, al-Farra:', Ibn Sa'da:n, Tha'lab dan lain-lain. Seterusnya Ilmu Nahu ini berkembang ke Baghdad, Andalus dan juga ke Mesir. Di Baghdad, muncul ulama-ulama terkenal seperti Ibn Jinni:, al-Zamakhshariyy, Abu al-Baraka:t, Al-Anba:riyy dan Al-'Akbariyy. Manakala di Andalus pula, muncul ulama-ulama seperti Ibn Mada:', Ibn Kharu:f, Ibn 'Usfu:r, Ibn al-Da:'i', Ibn A:jurru:m, Ibn Hayya:n dan Al-Sha:tibiyy. Manakala di Mesir pula, ulama-ulama seperti Ibn Hisha:m, Ibn 'Aqi:l, Ibn al-Sa:'igh, Al-Ka:fi:jiyy, Al-Sayu:tiyy, Al-'Ashmu:niyy, Ya:si:n dan Al-Sabba:n yang biasanya disebut.

Di Malaysia, pengkajian tentang Ilmu Nahu ini juga telah mendapat perhatian besar para pengkaji. Ramai pengkaji yang telah melakukan penyelidikan dan menghasilkan kajian berkaitan dengan Ilmu Nahu ini. Akan tetapi, dalam bab ini pengkaji hanya ingin membuat sorotan berkaitan dengan kajian-kajian tentang Ilmu Nahu yang telah dilakukan yang melibatkan pengkajian mengenai aspek penguasaan pelajar dalam sesuatu topik Nahu atau tatabahasa BA sahaja. Tujuannya ialah untuk mengetahui tajuk-tajuk yang telah dilakukan kajian untuk mengelak daripada berlakunya pertindihan di antara kajian serta mengesan aspek-aspek yang dianggap lemah dan gagal dikuasai oleh pelajar-pelajar yang mempelajari

BA di Malaysia. Semoga dengan dapatan pengkaji-pengkaji ini dapat dijadikan panduan dalam menjayakan penulisan dan penyusunan disertasi ini.

2.4 Pengkajian Tentang Aspek Penguasaan Ilmu Nahu

Di antara pengkaji yang telah melakukan kajian berkaitan dengan Nahu BA di Malaysia ialah Muhamad bin Mustafa pada tahun 1995. Beliau telah membuat kajian mengenai “*Masalah Dalam Pembelajaran Nahu Arab*”. Dalam kajiannya, beliau telah menyentuh mengenai perkembangan sejarah Nahu Arab, aliran pemikiran atau mazhab yang berkaitan dengan Ilmu Nahu serta latar belakang setiap aliran berkenaan. Beliau juga telah membawa beberapa pendapat yang menyatakan kerumitan menguasai Nahu Arab. Mereka mendakwa bahawa Nahu Arab merupakan satu ilmu yang unik dan sangat rumit untuk dikuasai serta berbelit-belit, baik daripada aspek struktur ayat, sistem makna, sistem perubahan baris dan kalimah dalam ayat serta hukum-hukum *i‘ra:b* dan sebagainya. Dakwaan ini datang daripada kalangan orang Arab dan juga bukan Arab. Dalam konteks Malaysia, sudah menjadi tanggapan umum bahawa BA adalah bahasa yang sukar. Beliau turut menyatakan bahawa tahap kemampuan menguasai Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar di Malaysia adalah lebih baik daripada BA, walaupun mereka di peringkat yang sama dan mempunyai tahap IQ yang sama. Apa yang menarik dalam kajian beliau ialah, beliau telah membentangkan satu bab mengenai usaha-usaha yang dilakukan oleh nahuan Arab moden untuk menyelesaikan masalah kesukaran yang timbul dalam pengajian Nahu Arab. Usaha-usaha yang dilakukan oleh nahuan tersohor seperti Dr. Shawqi:y Dayf, Prof. Ami:n al-Khu:liyy dan lainnya telah dihuraikan dengan baik.

Sementara itu, Muhammad bin Idris (1996) juga telah melakukan satu kajian berkaitan dengan Nahu BA iaitu “*Analisis Sistem I’ra:b Dalam Bahasa Arab*”. *I’ra:b* sepertimana yang dijelaskan oleh pengkaji (1996:90) ialah perubahan tanda yang terletak pada hujung perkataan bagi menunjukkan status serta fungsi sesuatu ayat. Perubahan akhir kata sesuatu perkataan adalah ekor daripada perubahan agen-agen tertentu yang berada sebelumnya yang juga merupakan penyebab kepada terjadinya nominatif, akusatif, genetif dan jusif sesuatu perkataan. Banyak pembahagian *i’ra:b* telah dinyatakan di dalam kajian beliau. Beliau juga telah menyentuh tentang keistimewaan BA yang mempunyai sistem *i’ra:b*nya yang terperinci. Contoh-contoh *i’ra:b* juga, banyak yang telah beliau kemukakan.

Sulaiman bin Haji Ismail (1996) telah menjalankan satu kajian dalam bidang analisis kesilapan yang menjadikan frasa adjektif sebagai tajuk kajiannya. Tajuk kajiannya ialah “*Analisis Kesilapan Frasa Adjektif Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar Melayu*”. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menfokuskan kepada satu tajuk Nahu Arab sahaja iaitu kata adjektif atau dalam bahasa Arabnya *النَّعْتُ وَالْمَنْعُوثُ* atau *الصِّفَةُ وَالْمَوْصُوفُ*. Responden yang dipilih pula adalah merupakan pelajar-pelajar Melayu aliran agama dan Arab lepasan tingkatan lima dan enam yang sedang mengikuti kursus di Pusat Bahasa Arab IKIP Pahang. Beliau menfokuskan kajiannya kepada kesalahan yang dilakukan oleh responden daripada aspek keserasian yang melibatkan, kepastian, genus, bilangan dan tanda kasus. Dalam dapatan kajiannya (1996:222) beliau menyatakan, pelajar melakukan banyak bentuk kesilapan dalam topik yang dikaji. 97.55% kesilapan adalah dikesan berlaku dalam kategori intralingual iaitu kesilapan yang berpunca daripada faktor bahasa kedua yang sedang mereka pelajari, manakala 2.45% kesilapan sahaja yang direkodkan berpunca daripada kesilapan interlingual iaitu kesilapan yang berpunca daripada bahasa pertama pelajar.

Kajian dengan tajuk yang hampir sama juga telah dilakukan oleh Rusdi bin Arifin pada tahun 1998. Beliau telah melakukan satu kajian analisis kesilapan bertajuk “*Penggunaan Kata Sifat Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar-Pelajar Sekolah Menengah Agama*”. Dalam kajian ini, pengkaji hanya menfokuskan bidang kajiannya kepada satu tajuk Nahu Arab sahaja iaitu kata sifat atau النَّعْتُ. Kajian beliau telah dilakukan ke atas pelajar-pelajar tingkatan lima dan enam Sekolah Menengah Ugama (SMU) Saniah, Pasir Puteh, Kelantan. Seramai 60 orang pelajar yang terdiri daripada 30 orang pelajar lelaki dan 30 orang pelajar perempuan telah dipilih sebagai responden kajian. Beliau menumpukan kajiannya kepada topik kata sifat hakiki النَّعْتُ الْحَقِيقِيُّ, kata sifat sababiy النَّعْتُ السَّبَبِيُّ, keadaan persamaan kata sifat النَّعْتُ dengan kata nama kena sifat الْمُنْعَوْتُ daripada segi kejantinaan التَّنْكِيرُ والتَّأْنِيثُ, ketentuan التَّعْرِيفُ, ketidaktentuan التَّنْكِيرُ, tunggal الْمُفْرَدُ, penduaan التَّثْنِيَّةُ dan jama الْجَمْعُ. Melalui dapatan kajiannya (1998:155) beliau mendapati kesilapan pelajar masih lagi ketara dalam tajuk yang dikaji terutama dalam aspek gender, ketentuan, bilangan, *i‘ra:b*, derivasi, pengguguran *ya:’ nisbat*, kekeliruan antara kata sifat dan *muda:f ilayhi*, kekeliruan kata sifat dan *hal*, kekeliruan kata sifat dengan objek, kekeliruan antara kata sifat dengan perkataan selepasnya dan juga kesilapan daripada sudut makna (leksikal). Kesilapan ini berpunca daripada pelajar sendiri yang lemah berfikir dalam BA, kurang motivasi dalam pembelajaran BA dan tidak berupaya mempraktikkan kaedah-kaedah Nahu yang dipelajari dalam penulisan. Seterusnya beliau telah memberikan beberapa cadangan untuk mengatasi masalah kesilapan dalam menguasai tajuk kata sifat tersebut.

Che Kamaruddin Kamel bin Che Muhammad (1999) telah melakukan satu kajian berkaitan dengan penguasaan Nahu Arab yang bertajuk “*Satu Kajian Penguasaan Nahu Bahasa Arab Peringkat Menengah di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Ugama Arab*”. Dalam

kajiannya beliau hanya memfokuskan kepada beberapa tajuk Nahu yang utama sahaja iaitu penggunaan huruf *jarr* dan *majru:r*, *al-mubtada:’* dan *al-khabar*, *al-sifat* dan *al-mawsu:f*, penggunaan *al-dami:r* serta penggunaan *al-jumlat al-’ismiyyat* dan *al-jumlat al-fi’liyyat*. Kajian beliau juga hanya dihadkan kepada 40 orang pelajar dari SMU Arab Saniah, Pasir Puteh, Kelantan sahaja. Melalui dapatan kajiannya (1999:68) beliau menyatakan bahawa secara keseluruhannya penguasaan Nahu BA dalam kalangan pelajar peringkat menengah di sekolah menengah agama adalah lemah. Kelemahan pelajar amat ketara dalam penggunaan *al-jumlat al-’ismiyyat* dan *al-jumlat al-fi’liyyat* yang mana 100% pelajar gagal menjawab soalan yang dikemukakan. Pelajar juga lemah dalam penggunaan *al-dami:r* di mana 27 orang pelajar (67.5%) gagal dalam bahagian ini. Sementara itu, kajian mengenai penggunaan *al-sifat* dan *al-mawsu:f* pula menunjukkan penguasaan pelajar adalah sederhana yang mana 18 orang pelajar (45%) daripada mereka telah gagal. Begitu juga dengan tajuk *al-mubtada:’* dan *al-khabar* yang mana 50% pelajar telah berjaya dan 20 orang pelajar lagi telah gagal. Melalui dapatan kajiannya juga didapati penguasaan pelajar mengenai penggunaan huruf *jarr* agak baik yang mana hanya 8 orang pelajar sahaja (20%) telah gagal. Manakala bakinya sebanyak 80% telah berjaya dalam bahagian ini.

Pada tahun 2000, Tuan Rashid bin Tuan Mat telah melakukan satu lagi kajian yang ada kaitannya dengan penguasaan cabang Ilmu Nahu dalam kalangan pelajar iaitu “*Penguasaan Kata Ganti Nama Bahasa Arab Di Kalangan Pelajar-Pelajar Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama*”. Dalam kajian ini, pengkaji telah menerangkan secara detil dalam bab kedua tentang pembahagian kata ganti nama atau *al-dami:r* dalam BA. Beliau telah membahagikan kata ganti nama berdasarkan kepada makna, berdasarkan kepada penggunaan, berdasarkan kepada *i’ra:b* dan juga memperkatakan tentang kata ganti nama

keadaan ضَمِيرُ الشَّانِ. Kajian ini telah dilakukan ke atas 60 orang responden daripada tiga buah sekolah yang berbeza iaitu SMKA Wataniah, Machang, SMKA Falahiah, Wakaf Baru dan SMKA Naim, Kota Bharu. Hasil dapatan kajiannya (2000:146) beliau membuat kesimpulan bahawa penguasaan pelajar-pelajar terhadap kata ganti nama BA, berada pada tahap sederhana. Daripada jenis-jenis *dami:r* yang banyak, pelajar paling lemah menguasai *dami:r mustatir* yang mana sebanyak 58% responden mengaku mereka lemah dalam menguasainya.

Ahmad Fared Mohd Din, pada tahun 2006, juga telah melakukan satu kajian yang mempunyai kaitan dengan penguasaan cabang Ilmu Nahu. Kajian beliau bertajuk “*Tahap Penguasaan Al-Tamyi:z Di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes*”. Kajian beliau telah dilakukan ke atas 100 orang responden yang dipilih secara rawak daripada Sekolah Menengah Agama al-Ihsan, Kuantan, Pahang. Dalam kajian ini, pengkaji telah menyentuh mengenai *al-tamyi:z* daripada semua aspek, termasuklah takrif *al-tamyi:z*, pembahagian *al-tamyi:z* kepada *al-dha:t*, bilangan, sukatan, menyerupai sukatan dan *al-tamyi:z al-nisbat*. Dalam bahagian *al-tamyi:z al-‘adad*, ada sedikit persamaan dengan topik yang akan dikaji ini, walau bagaimanapun pengkaji ini hanya menyentuh bahagian *al-‘adad* yang mana *al-ma‘du:dnya* adalah *al-tamyi:z* tanpa membincangkan sedikitpun mengenai *al-‘adad* dan juga *al-ma‘du:d* yang *ida:fat* dan juga *al-na‘at*. Daripada dapatan kajiannya (2006:90) didapati pelajar-pelajar masih keliru di antara konsep *al-tamyi:z* dengan *al-ha:l*, begitu juga didapati pelajar masih tidak menguasai tanda baris bagi *al-tamyi:z*. Pelajar juga didapati tidak dapat menguasai variasi *al-tamyi:z* dengan baik.

Mohd Shafien bin Othman, pada tahun 2008, telah melakukan satu kajian berkaitan dengan penguasaan salah satu tajuk dalam Nahu BA iaitu “*Penguasaan al-I‘la:l dan al-Ibda:l Di Kalangan Pelajar-Pelajar Peringkat Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)*”. Kajiannya yang dilakukan pada tahun 2008 melibatkan 60 orang responden daripada dua buah sekolah yang dipilih secara rawak iaitu 30 orang mewakili Sekolah Agama Menengah Tinggi Kuala Kubu Baru dan 30 orang lagi mewakili Sekolah Agama Menengah Tinggi Hishamuddin. Hasil dapatan kajiannya (2008:163) beliau membuat kesimpulan bahawa penguasaan pelajar tentang perkataan asal yang terlibat dengan *al-i‘la:l* dan *al-ibda:l* masih pada tahap yang lemah. Pelajar lemah dalam menentukan *wazan* yang berkaitan dengan kata kerja *na:qis* yang sangat penting dikuasai dalam menentukan kedudukan sesuatu huruf yang akan terlibat dengan *al-i‘la:l* dan *al-ibda:l*. Menurutnya pelajar juga tidak dapat menguasai dengan baik perubahan yang berlaku pada perkataan yang terlibat dengan proses *al-ibda:l*. Kelemahan ini berpunca daripada kegagalan mereka untuk menentukan fonem ta:’ dengan tepat pada sesuatu perkataan yang perlu dipadankan dengan *wazan* افْتَعَلَ.

Di dalam rumusan kajian beliau, pengkaji telah membuat rumusan bahawa kelemahan dalam tajuk kajian adalah disebabkan oleh faktor dalaman iaitu sikap pelajar itu sendiri terhadap pelajaran. Pelajar kurang berusaha menguasai *wazan-wazan* asas yang menyebabkan mereka tidak dapat melakukan penukaran huruf pada perkataan. Faktor inilah menurutnya menjadi punca utama menyebabkan mereka kurang menguasai pelajaran dengan baik.

2.5 Kesimpulan

Kajian mengenai penguasaan cabang Ilmu Nahu BA ini amat penting untuk dikaji serta mendapat perhatian yang serius daripada kalangan para nahuan dan pencinta BA sejak dahulu lagi. Ini kerana pembelajaran BA dalam kalangan masyarakat Islam, bukan semata-mata untuk menguasai pertuturan bahasa atau penulisannya semata-mata, sebaliknya yang lebih utama ialah untuk memahami kandungan yang tersurat dalam kitab suci al-Qur'an.

Kajian-kajian yang telah dilakukan, bertujuan untuk mengesan permasalahan dalam pembelajaran Ilmu Nahu serta mengemukakan cadangan-cadangan ke arah memudahkan lagi proses pembelajaran dan pengajaran cabang ilmu BA yang penting dan amat menarik untuk dikuasai ini. Dengan adanya dapatan-dapatan kajian daripada kajian-kajian yang dijalankan, sekurang-kurang akan membantu dalam memberikan panduan berguna kepada usaha-usaha yang dilakukan untuk memartabatkan lagi bahasa ini dan meningkatkan lagi penguasaannya dalam kalangan para pelajar sekalian.

Kebanyakan kajian lepas mendapati tahap penguasaan cabang Ilmu Nahu dalam kalangan pelajar di Malaysia masih lagi di tahap lemah dan kurang memuaskan. Justeru, kajian berterusan sangat diperlukan untuk memastikan segala aspek kelemahan dikenalpasti dan ditangani dengan baik. Yang pasti di sini ialah tiada lagi satu kajian khusus yang telah dilakukan berkaitan dengan penguasaan *al-'adad wa al-ma'du:d* dalam kalangan pelajar setakat ini.